



AKAUN SATELIT PELANCONGAN 2023

Industri pelancongan menyumbang 15.1 peratus kepada KDNK¹ pada 2023 (2022: 13.9%)



¹ Keluaran Dalam Negeri Kasar



² Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan

Komponen utama NDKIP



³ Keluaran Dalam Negeri Kasar Pelancongan Langsung

Penggunaan Pelancongan Internal

Perbelanjaan pelancongan domestik mendominasi 50.9 peratus penggunaan pelancongan *internal* (2022: 63.7%)



Komponen utama perbelanjaan pelancongan *inbound*:



Komponen utama perbelanjaan pelancongan domestik:



Guna Tenaga dalam Industri Pelancongan

21.4 peratus guna tenaga terlibat dalam industri pelancongan di Malaysia (2022: 21.3%)


Guna tenaga dalam industri pelancongan disumbang oleh:



⁴ Spa, MICE, kesihatan dan lain-lain

Sumber: Akaun Satelit Pelancongan 2023
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Nilai Ditambah Kasar Pelancongan Langsung



Pelancongan di Malaysia menjana RM154.5 bilion dengan sumbangan sebanyak 15.1 peratus kepada ekonomi pada tahun 2023.

- Industri pelancongan di Malaysia berjumlah RM275.8 bilion pada tahun 2023 dengan menyumbang 15.1 peratus kepada KDNK berbanding 13.9 peratus pada tahun sebelumnya. Dari segi pertumbuhan, industri pelancongan berkembang lagi sebanyak 10.3 peratus berbanding 26.0 peratus pada tahun 2022. Pertumbuhan ini disokong oleh semua aktiviti ekonomi terutamanya perdagangan runcit, perkhidmatan khusus bercirikan pelancongan negara seperti spa dan MICE; dan perkhidmatan penyediaan makanan & minuman.
- Prestasi memberangsangkan industri pelancongan Malaysia pada tahun 2023 dipengaruhi oleh permintaan yang lebih kukuh daripada perbelanjaan pelancongan *internal* yang terdiri perbelanjaan *inbound* dan domestik.
- Perbelanjaan *internal* mencatatkan RM154.5 bilion (2022: RM93.0 bilion), dengan pertumbuhan sebanyak 66.1 peratus pada tahun 2023. Prestasi perbelanjaan pelancongan *internal* ini didorong terutamanya oleh perbelanjaan pelancongan domestik diikuti oleh perbelanjaan pelancongan *inbound*. Perbelanjaan pelancongan domestik dan *inbound* masing-masing menyumbang 50.9 peratus dan 49.1 peratus.
- Perbelanjaan pelancongan *inbound* di Malaysia meningkat dengan kukuh sebanyak 124.3 peratus berjumlah RM75.8 bilion pada tahun 2023, berbanding RM33.8 bilion pada tahun sebelumnya. Perbelanjaan pelancongan domestik berkembang sebanyak 32.9 peratus dengan nilai RM78.7 bilion pada tahun 2023 (2022: RM59.2 bilion).
- Dari segi guna tenaga, industri pelancongan menyediakan pekerjaan seramai 3.4 juta orang atau peningkatan sebanyak 4.9 peratus pada tahun 2023 (2022: 3.2 juta). Pekerjaan dalam industri pelancongan didominasi oleh perdagangan runcit, perkhidmatan penyediaan makanan & minuman, dan perkhidmatan khusus bercirikan pelancongan negara. Oleh itu, pekerjaan dalam sektor pelancongan menyumbang 21.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerjaan di Malaysia.

